

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1995/96

April 1996

SEW214 - Makroekonomi II

Masa: [3 Jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Arahan:

Jawab **Soalan 1** dari Bahagian A, **SATU** (1) soalan dari Bahagian B dan **SATU** (1) soalan dari Bahagian C. Jumlah soalan yang mesti dijawab ialah **TIGA** (3). Semua jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan.

Bahagian A (60 markah)

Soalan 1 (Wajib dijawab)

- A. Terangkan dengan ringkas bagaimana perkara-perkara berikut mempengaruhi output pada guna tenaga penuh:
- Kemasukan ramai pendatang asing
 - Teknik pembelajaran baru memperbaiki prestasi pelajar-pelajar tahun akhir di universiti
 - Undang-undang baru menyebabkan penutupan sebilangan kilang-kilang yang didapati tidak selamat.
- (9 markah)
- B. Dengan menggunakan hipotesis pendapatan tetap, nyatakan bagaimanakah seorang pemain judi (atau pencuri) yang cekap dijangka akan hidup senang lenang walaupun pada waktu ia gagal memperolehi sebarang habuan.
- (4 markah)

C. Terangkan perbezaan di antara model Keynes baru dan model klasik baru di dalam perkara-perkara berikut:

- a. bentuk keluk penawaran agregat
- b. implikasi polisi
- c. penjelasan tukarganti di antara kadar inflasi dan kadar pengangguran.

(14 markah)

D. Bincangkan sama ada aktiviti-aktiviti kerajaan seperti berikut mempengaruhi kadar pertumbuhan jangka panjang:

- a. Dasar kewangan
- b. Dasar-dasar mengenai pasaran buruh
- c. Dasar fiskal

(9 markah)

E. Andaikan dua individu, A dan B masing-masing bekerja selama t tahun sebelum bersara pada tahun T. Kedua-duanya memperolehi pendapatan tahunan yang sama. Jika A mempunyai rekod kesihatan yang lebih baik dan dijangka akan hidup lebih lama dari B, nyatakan dan jelaskan siapakah yang akan berbelanja lebih secara purata di antara kedua mereka mengikut hipotesis kitaran hidup.

(7 markah)

F. Kadar bunga yang rendah biasanya akan menggalakkan pelaburan. Walau bagaimanapun, semasa Kemelesetan Besar pada tahun 1930, kedua-dua kadar bunga dan pelaburan didapati berada pada paras yang rendah. Jelaskan bagaimana hal ini boleh berlaku dan apakah jenis dasar fiskal yang sesuai dalam kes ini.

(7 markah)

G. Nyatakan hubungan di antara jualan akhir dan output semasa ekonomi mengalami pertumbuhan yang perlahan tetapi mantap (steady).

Jika nisbah inventori kepada jualan bagi sesebuah ekonomi didapati mula meningkat, nyatakan kenapakah fenomena ini membimbangkan dan bagaimanakah ia boleh dijadikan sebagai satu petunjuk bahawa kemelesetan mungkin akan berlaku pada tahun berikutnya.

(10 markah)

Bahagian B (20 markah)

Bincangkan mana-mana **SATU** (1) pernyataan berikut.

Soalan 2

- (a) "Persaraan awal akan meningkatkan penggunaan agregat."
(b) "Pelaburan inventori adalah pro-kitaran (procyclical)."

(20 markah)

Soalan 3

"Dasar fiskal pengembangan fiskal akan menghimpit keluar pelaburan lebih sedikit apabila terdapat kesan kekayaan ke atas penggunaan berbanding dengan keadaan sebaliknya."

(20 markah)

Soalan 4

"Oleh kerana negara-negara membangun dikatakan boleh mencapai pertumbuhan produktiviti dengan lebih mudah berbanding dengan negara-negara maju, mereka seharusnya pada satu masa nanti akan berjaya menyamai taraf kehidupan masyarakat negara maju."

(20 markah)

Bahagian C (20 markah)

Jawab **SATU** (1) soalan sahaja.

Soalan 5

Model Harrod-Domar dikatakan tidak stabil. Keadaan ini timbul kerana model ini mengandaikan parameter-parameter dalam persamaan keseimbangan sebagai tetap.

Jelaskan apa yang akan berlaku jika keadaan berikut wujud:

- (a) r_A berbeza dari r_w
(b) r_w berbeza dari n

di mana

- r_A = kadar pertumbuhan sebenar
 r_w = kadar pertumbuhan terjamin
 n = kadar pertumbuhan buruh

Bincangkan mekanisme pengubahsuaian yang dicadangkan oleh model-model di bawah bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh model Harrod-Domar:

- (i) Neoklasik
- (ii) Cambridge

(Nota: Perbincangan anda mestilah jelas dan tepat, dan disertakan dengan rajah-rajab atau persamaan-persamaan yang sesuai.)

(20 markah)

Soalan 6

- (a) Bincangkan implikasi teori pencepat ke atas keberkesanan dasar fiskal dan dasar kewangan.
- (b) Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi permintaan rumah kediaman? Jelaskan bagaimana faktor-faktor tersebut mempengaruhinya.
- (c) Dengan menggunakan model perumahan yang dipelajari, nyatakan apa yang akan berlaku kepada perkara-perkara berikut akibat dari kenaikan kadar bunga pasaran:
 - (i) stok perumahan
 - (ii) permintaan perumahan
 - (iii) penawaran perumahan baru
 - (iv) pelaburan perumahan
 - (v) harga rumah kediaman

(20 markah)

Soalan 7

- (a) Bincangkan bagaimana hasil kajian empirik ke atas penggunaan yang telah dijalankan gagal menyokong hipotesis pendapatan mutlak yang dikemukakan oleh Keynes.
- (b) Apakah faktor-faktor yang dicadangkan oleh Arthur Smithies sebagai penjelasan kepada fenomena "fungsi penggunaan berpindah", dan apa pula reaksi James Duesenberry mengenainya?
- (c) Bagaimanakah hipotesis pendapatan tetap menjelaskan percanggahan di antara data jangka pendek yang mencadangkan wujudnya hubungan tak berkadar (nonproportional) di antara pendapatan dan penggunaan, dan data jangka panjang yang menunjukkan hubungan berkadar?

(20 markah)